


DATE: 18/4/2008




WAN SULEIMAN
PAWANTEH



EUSOFF
ABDOOLCADER



AZMI
KAMARUDDIN



WAN HAMZAH
WAN SALLEH



GEORGE
SEAH

'Tidak akan berulang episod hakim dihukum'

Um- 18/4/2008

KUALA LUMPUR 17 April - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim berharap tidak akan berulang episod hakim dihukum, diaibkan dan dicela hanya kerana melaksanakan tugas mereka.

Beliau yang juga seorang peguam, berkata negara perlu membina semula kepercayaan terhadap kejujuran dan kecekapan badan kehakiman.

Katanya, negara mesti memiliki individu cekal yang dihormati dan berkebolehan bagi membina semula keyakinan terhadap sistem perundangan.

Menurutnya, cabaran tunggal dan terpenting yang dihadapi kerajaan sekarang ialah untuk membawa lelaki dan wanita berkebolehan itu bersama-sama dalam kerajaan.

"Bolehkah kita bersama-sama membina semula institusi yang akan melahirkan dan mengekalkan sebuah masyarakat yang sopan dan adil?"

"Saya percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melakukan apa yang termampu untuk menghilangkan parut, menyembuhkan luka, memulihkan semangat dan dengannya, negara ini mampu didirikan.

"Saya percaya Perdana Menteri boleh mewujudkan satu 'iklim' kepercayaan baru di antara komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ringkas penghargaan dan terima kasih kepada tetamu yang menghadiri Majlis Makan Malam Tahunan Badan Peguam Malaysia di sini hari ini.

Zaid berkata, pengamal undang-undang termasuk hakim-hakim mestilah bersedia untuk dinilai dan menjadi bahan penelitian orang ramai.

"Jika kita boleh melakukannya, kesengsaraan dan penderitaan yang ditanggung oleh Tun Salleh Abas, Wan

Suleiman Pawanteh, George Seah, Eusoff Abdoolcader, Wan Hamzah Mohd. Salleh dan Mohd. Azmi Kamaruddin, tidak akan sia-sia," katanya.

Beliau juga menyatakan rasa gembira melihat kehadiran bekas Ketua Hakim, Tun Salleh Abas, bekas-bekas hakim dan ahli keluarga mereka.

Beliau turut bercerita mengenai pengalaman semasa kecil tatkala menonton filem *Love Story* yang dianggapnya sebagai cerita yang paling memberi kesan kepada dirinya.

"Itulah kali pertama saya mendengar ungkapan 'cinta bermakna tidak perlu menyatakan anda meminta maaf. Tetapi kami menyayangi Tun dan kami akan buat pembetulan-pembetulan," katanya.

Zaid berkata, selama beberapa tahun, Badan Peguam telah ditohmah dan dianggap sebagai antikerajaan oleh golongan yang membenci hala-

ngan atau kedaulatan undang-undang.

Bagaimanapun, beliau percaya Badan Peguam akan terus menjadi pengkritik yang bertanggungjawab dan membina.

Katanya, untuk memperkenalkan pembaharuan asas bukan mudah kerana golongan yang selesa dengan kedudukan mereka akan menentang.

"Tetapi negara memerlukannya (pembaharuan) dan rakyat menginginkannya," katanya.

Zaid turut mengalu-alukan kehadiran pemimpin pembangkang termasuk Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Katanya, dalam perkiraan politik hari ini, kerajaan mungkin memerlukan sokongan pembangkang untuk meluluskan sesetengah rang undang-undang dan terpaksa meminda perlembagaan.